

**PUANDESA GARISPANDUAN  
KEPADA  
USAHAWAN-USAHAWAN  
WANITA LUAR BANDAR**

**"MEMULAKAN  
PERNIAGAAN MIKRO  
DALAM  
KOMUNITI ANDA"**



**FEBRUARI 2004  
JAWATANKUASA PUANDESA  
SABAH**

Garispanduan ini adalah disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA yang terdiri daripada pakar-pakar KRI International Corp. dengan kerjasama teknikal dari JICA (The Japan International Cooperation Agency)

## PENGENALAN

Sekiranya anda mempunyai impian untuk memulakan peniagaan sendiri, garis panduan ini akan memberi idea mengenai bagaimana anda dapat mengencapinya.

Sekiranya anda ingin mewujudkan pendapatan tambahan untuk keluarga anda, garis panduan ini akan menunjukkan cara yang berpatutan kepada anda untuk meneruskannya.

Garis panduan ini menggabungkan maklumat yang diperlukan dalam komponen berikut untuk menunjukkan kepada anda langkah-langkah dan prosedur-prosedur untuk memulakan perniagaan, mengurusnya dan memperkembangkannya pada masa yang akan datang.

Komponen garis panduan ini ialah:

1. Carta aliran langkah-langkah untuk memulakan perniagaan ..... 1
2. Penerangan langkah-langkah.....2
3. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang bakal dijalankan.....9
4. Isu-isu utama untuk perkembangan perniagaan.....15
5. Program sokongan dan perhubungan kerajaan.....18
6. Suara dan pandangan usahawan wanita..... 23

Kami berharap garis panduan ini akan menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan anda dan peningkatan penghidupan luar bandar anda.

Februari 2004  
Jawatankuasa PUANDESA\*<sup>1</sup>, Sabah


---

<sup>1</sup> Kajian PUANDESA (Kajian Pembangunan untuk meningkatkan keusahawanan wanita-wanita luar Bandar telah dijalankan dari Februari 2002 hingga Februari 2004 oleh ementerian pertanian dan Indsutri Makanan, Sabah dan agensi-agensi berkenaan dengan bantuan dari kerjasama teknikal Japan International Cooperation Agency (JICA).

# 1. Carta Aliran Langkah-Langkah Untuk Memulakan Perniagaan

"Adakah anda ingin memulakan perniagaan?"

Jika "Ya", sila ikut langkah-langkah berikut:



## 2. Keterangan Langkah-Langkah

### **LANGKAH 1: Kumpulkan idea-idea Perniagaan anda**

Sebelum anda memulakan persediaan, pertama sekali, anda perlu mengambil keputusan untuk menentukan jenis perniagaan yang anda ingin mulakan.

Bahagian 3 memberikan senarai aktiviti-aktiviti perniagaan yang bakal anda ceburi termasuk permohonan lesen perniagaan, peralatan asas dan kos permulaan. Sila rujuk bahagian tersebut.

Apabila anda mengumpulkan idea perniagaan sila mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- Bincangan impian dan visi anda, mengapa anda ingin memulakan perniagaan.
- Senaraikan kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh anda dan rakan kongsi anda..
- **Senaraikan sumber-sumber** yang boleh diperolehi dari kampung anda, seperti kayu, ikan, buah-buahan, bambu, batu-batu, tumbuhan herba, bunga-bunga, air, tanah atau sumber-sumber tidak terpakai seperti daun pisang atau rumput-rumput.
- Senaraikan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak boleh diperolehi dalam kampung anda, tetapi diperlukan setiap masa, keperluan untuk produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan inilah mungkin memberi idea untuk perniagaan.
- Senaraikan institusi yang berdekatan dengan anda seperti hospital, hotel-hotel, sekolah-sekolah, ladang-ladang dan lain-lain, yang mungkin akan menjadi pelanggan-pelanggan berfaedah kepada anda.
- Pertimbangkan ruang kerja, peralatan, peruntukan, di mana dan bagaimana menjual produk-produk anda.
- 'Brainstorm' mengenai aktiviti-aktiviti yang mungkin diadakan berdasarkan kepada senarai yang anda sediakan tadi.

Mungkin adalah satu idea yang baik untuk meminta khidmat nasihat dari usahawan-usahawan yang berpengalaman atau kakitangan pengembangan untuk mempelajari daripada pengalaman mereka.

Sila bincangkan impian dan idea anda bersama-sama dengan keluarga anda kerana sokongan mereka adalah diperlukan untuk kejayaan anda.

## **LANGKAH 2: Penilaian permulaan daya maju perniagaan**

Sebaik saja anda mempunyai idea pertama perniagaan anda, sila periksa dan membuat perbandingan dengan soalan-soalan yang berikut.

- Adakah idea yang anda sediakan benar-benar menggalakkan berdasarkan kepada impian dan permintaan anda?
- Adakah anda sedia mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk perniagaan anda?
- Adakah input-input dan sumber-sumber boleh didapati dari persekitaran anda atau di kawasan kampung anda?
- Adakah anda tahu di mana boleh mendapatkan input-input tersebut sekiranya tidak dapat diperolehi dari persekitaran anda?
- Adakah terdapat bakal-bakal pelanggan di sekitar anda?

Di samping itu, sila periksa pasaran yang berhampiran dengan anda mengenai perkara-perkara berikut:

- Adakah produk-produk atau perkhidmatan yang anda rancang diperlukan dalam pasaran yang berdekatan dengan anda?
- Adakah rancangan anda mempunyai potensi dipasarkan berbanding dengan produk-produk yang sedia ada.
- Mana satu bakal pasaran anda dan siapakah sasaran pembeli dan pembekal produk anda?
- Bagaimanakah anda mengagihkan produk-produk atau perkhidmatan anda?

Anda digalakkan supaya memeriksa dan mengenalpasti pesaing-pesaing dan potensi-potensi yang boleh menyokong perniagaan-perniagaan anda dsb.

## **LANGKAH 3: Berbincang dengan keluarga anda & kakitangan pengembangan**

Sila bincangkan dengan keluarga dan jiran anda. Persefahaman dan sokongan yang menggalakkan dari keluarga anda adalah tidak dapat dipisahkan dari kejayaan perniagaan anda.

Pada masa yang sama, adalah lebih baik untuk bertemu dengan kakitangan pengembangan dan memaklumkan mengenai rancangan anda pada peringkat awal perancangan perniagaan anda.

Sila bincangkan rancangan dan idea anda mengenai produk dan pasaran dengan mereka; mereka akan memberikan maklumat yang berguna berdasarkan kepada kepakaran dan bernalaman mereka.

## **LANGKAH 4: Membentuk Organisasi Perniagaan**

Adakah anda menjalankan perniagaan secara persendirian? Atau anda telah membentuk kumpulan? Anda boleh memulakan perniagaan mikro secara separuh masa.

Walau bagaimana pun, anda boleh memutuskan sekiranya berniaga sendiri atau memerlukan seorang rakan kongsi. Ini merupakan satu pilihan awal dan sekiranya ada perubahan, anda boleh mengubah organisasi perniagaan anda.

Apabila anda bekerja sendiri, maka adalah mudah untuk membentuk struktur perniagaan dan peraturan kerja adalah bebas. Anda boleh mengawal perniagaan sementara semua untung adalah milik anda. Sebaliknya, anda perlu menjangka keburukan berniaga sendiri iaitu tanggungan liability yang tidak terhad, kurang kesinambungan, dan sukar untuk menjana modal .

Kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan bagi mewujudkan perniagaan berakan kongsi dengan dua atau lebih rakan kongsi adalah seperti berikut;

Kebaikan:

- Modal permulaan yang rendah
- Tambahan sumber untuk modal ekuiti
- Kemungkinan faedah dari cukai
- Peraturan luaran yang terhad
- Pengumpulan sumber-sumber
- Berkongsi maklumat dan pengalaman dengan rakan kongsi

Keburukan:

- Liabiliti yang tidak terhad
- Kekurangan penerusan
- Kuasa terbahagi
- Sukar untuk mencari rakan kongsi yang sesuai dan sepadan

Selepas mengambil keputusan apa jenis perniagaan anda, sila sediakan peraturan kumpulan dan berkongsi dengan rakan kongsi anda. Kakitangan pengembangan akan membantu anda untuk menyediakannya. Peraturan kumpulan tersebut termasuklah:

1. Nama kumpulan, nama ahli-ahli yang terlibat
2. Ketua, Setiausaha, Akauntan
3. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang utama
4. Perkongsian pendapatan dan simpanan
5. Membuat keputusan dan tanaaunjawab ahli dsb.

## **LANGKAH 5: Mengenalpasti sumber-sumber yang ada**

---

Mengenalpasti sumber-sumber yang ada dalam keluarga dan masyarakat anda:

- Masa anda
- Kemahiran tradisional
- Pendidikan
- Peralatan asas
- Tanah dan kemudahan-kemudahan
- Bahan-bahan mentah dan sumber-sumber tidak terpakai
- Kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dsb.
- Komunikasi dan pengangkutan
- Lawatan orang tengah
- Pasaran terdekat
- Peruntukan dana
- Program-program sokongan dsb.

Senaraikan produk-produk atau perkhidmatan yang tidak terdapat di kampung anda, Cuba fikirkan dan pertimbangkan bagaimana anda boleh mendapatkannya.

## **LANGKAH 6: Membuat pelan perniagaan**

---

Sila sediakan pelan perniagaan. Pelan tersebut termasuklah:

- Langkah-langkah persediaan untuk memulakan perniagaan
- Aktiviti-aktiviti perniagaan
- Pelan pengeluaran
- Rangkaian pengagihan dan pemasaran
- Peralatan dan bahan-bahan
- Kos permulaan dan perbelanjaan
- Jualan dan keuntungan
- Pengagihan keuntungan
- Jadual aktiviti
- Pelan menjana peruntukan dan pinjaman pembiayaan semula

Anda patut mendapatkan nasihat dari orang yang berpengalaman dalam masyarakat anda dan kakitangan pengembangan apabila anda menyediakan pelan.



## LANGKAH 7: Kenalpasti kos permulaan

Selepas memutuskan jenis perniagaan dan menyediakan pelan perniagaan, sila pertimbangkan perbelanjaan permulaan perniagaan anda.

Kos permulaan haruslah dapat membiayai

- Kemudahan-kemudahan
- Perabot dan pemasangan alat kelengkapan
- Peralatan
- Modal kerja termasuk:
  - Inventori (kemudahan dan peralatan dsb.)
  - Deposit dan pembayaran awal
  - Jualan kredit
  - Perbelanjaan operasi sehingga untung diperolehi

Contoh kes-kes mengenai kos permulaan adalah ditunjukkan dalam bab seterusnya dalam garis panduan ini

## LANGKAH 8: Jualan projek

Anda harus menganggarkan pendapatan jualan dan untung.

Pendapatan jualan adalah wang yang dijana ke dalam kumpulan perniagaan hasil dari jualan produk-produk atau perkhidmatan. Selepas anda mengambil keputusan tentang volum jualan, kekerapan dan harga seunit, sila anggarkan jualan anda.

Perbelanjaan merupakan wang yang dibelanjakan oleh kumpulan perniagaan. Perbelanjaan bahan mentah, pengangkutan, pendapatan untuk ahli kumpulan, peralatan, penyenggaraan dan operasi adalah dirangkumi.

Untung ialah jumlah baki wang yang tinggal selepas semua perbelanjaan dipotong dari pendapatan untuk jangka masa tertentu.

$$\text{Untung} = \text{pendapatan jualan} - \text{perbelanjaan}$$

Sila kaji semula idea perniagaan dan mengenalpasti di mana harus dijual. Anda perlu untuk mencari dan mengenalpasti rangkaian dan saluran jualan. Kakitangan pengembangan boleh memberi nasihat kepada anda.

## **LANGKAH 9: Dapatkan lesen yang sah**

---

Sila dapatkan jenis lesen yang sesuai dan diperlukan untuk menjalankan perniagaan tertentu.

Kadang kala anda perlu mendapatkan lebih dari satu jenis lesen.

Satu lesen perniagaan biasanya diperlukan untuk apa-apa jenis aktiviti perniagaan. Lesen yang lain termasuk lesen pasar dan sijil Tamu dsb.

Bahagian seterusnya akan memberi contoh kepada anda mengenai lesen yang sah yang diperlukan dalam perniagaan anda. Sila dapatkan khidmat nasihat dari kakitangan pembangunan tempatan.

## **LANGKAH 10: Gunakan latihan dan program sokongan**

---

Sediakan cadangan untuk mendapatkan program-program sokongan.

Kursus latihan mengenai kawalan kualiti, pengurusan, perakaunan dan pemasaran mungkin boleh membantu anda.

Kakitangan pembangunan dan JKKK di kampung anda akan membantu anda untuk mendapatkan nama-nama program, Satu senarai agensi-agensi berkenaan yang boleh anda hubungi boleh didapati dalam Bab 4.

## **LANGKAH 11: Beli bahan-bahan dan peralatan**

---

Sila beli peralatan mengikut pelan perniagaan anda.

Lebih baik anda menyediakan satu senarai peralatan dan bahna-bahan yang perlu dibeli termasuk jumlah dan harganya.

Selepas anda beli, sila simpan senarai peralatan dan bahan-bahan tersebut. Sila catatkan maklumat mengenai bila dan di mana anda beli, jumlah dan harganya dsb.

## **LANGKAH 12: Sila mulakan perniagaan anda**



Kini, anda boleh mulakan perniagaan.

Sila periksa prestasi perniagaan anda dalam masyarakat anda dan dapatkan maklumbalas dari ahli-ahli masyarakat.

Kami harap anda akan mendapat pengalaman yang baik dari perniagaan anda dan sila hayati perancangan dan operasi perniagaan anda.



### 3. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang bakal dijalankan

<b>(1) Pemprosesan Makanan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pemprosesan makanan termasuk pelbagai aktiviti seperti membuat kuih/kek tempatan, makanan ringan, biskut, kek, taufu, mee dsb.</li> <li>➤ Makanan diproses boleh dijual di tamu, melalui penjajaan atau kepada orang tengah</li> </ul>	 	
Lesen diperlukan	Peralatan dan bahan-bahan asas	Kos permulaan
<b>(1)-1 Membuat kuih tempatan, makanan ringan, biskut, kek dsb.</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sijil kesihatan</li> <li>2) Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA)</li> <li>3) Kelulusan Jabatan Persekitaran</li> <li>4) Lesen premis makan dan makanan</li> <li>5) Yuran Tamu</li> <li>6) Lesen pasar</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketuhar</li> <li>- Meja kerja</li> <li>- Buku-buku resepi</li> <li>- Perkakas-perkakas dapur</li> <li>- Utiliti dan pengiklanan</li> </ul>	<p>Lebih kurang RM3,500</p>
<b>(1)-2 Mee</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sijil kesihatan</li> <li>2) Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA)</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesin menguli(kneading machine)</li> <li>- Pisau</li> </ul>	<p>Lebih kurang RM15,000</p>

3) Kelulusan Jabatan Persekitaran	- Perkakas-perkakas dapur	
4) Lesen premis makan dan makanan	- Tepung pengembang	
5) Yuran Tamu	- Utiliti dan pengiklanan	
6) Lesen pasar		

### (1)-3 Taufu kacang dan susu kacang

1) Sijil kesihatan	- Meja	Lebih kurang RM1,500
2) Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA)	- Penggiling(grinder)	
3) Kelulusan Jabatan Persekitaran	- Perkakas-perkakas dapur	
4) Lesen premis makan dan makanan	- Kacang Soya dan lain-lain bahan	
5) Yuran Tamu	- Pembungkusan (bag plastik dan botol)	
6) Lesen pasar	- Utiliti dan pengiklanan	

### (2) Penghasilan Kraftangan

- Kraftangan termasuk mengecat/ melukis, gubahan bunga, kraftangan rotan/straw (bakul, topi, piring-piring dsb.), membuat patung, mengait dsb.
- Produk tersebut boleh dijual di Tamu, melalui penjajaan atau kepada orang tengah
- Projek PUANDESA menggalakkan pembuatan kertas dan lilin dengan menggunakan sumber tidak terpakai. Sikanya anda berminat, sila hubungi pusat maklumat Tamu KPD.



Lesen diperlukan	Peralatan dan bahan-bahan asas	Kos permulaan
<b>(2)-1 Rattan handicraft</b>		
1) Lesen perniagaan 2) Yuran Tamu 3) Lesen pasar 4) Lesen Pasar malam	- Peralatan e.g. pemotong, wayar/tali - Cat - Rotan dan tali - Utiliti dan pengiklanan	Lebih kurang RM1,000
<b>(2)-2 Gubahan Bunga</b>		
1) Lesen perniagaan 2) Yuran Tamu 3) Lesen pasar 4) Lesen Pasar malam 5) Pendaftaran kontraktor kerajaan negeri dan persekutuan	- Latihan asas - Peralatan - Alat-alat Aksesori e.g. wayar, pasu/bekas - Bunga dan daun-daun segar - Bunga dan daun palsu - Utiliti dan pengiklanan	Lebih kurang RM3,500
<b>(2)-3 Membuat patung</b>		
1) Lesen perniagaan 2) Yuran Tamu 3) Lesen pasar 4) Lesen Pasar malam	- Peralatan e.g. pisau, gunting - Bahan-bahan untuk patung - Kapas untuk penyumbat - Cat dan pewarna - Utiliti dan pengiklanan	Lebih kurang RM800
<b>(2)-4 Membuat Kertas (penggunaan sumber tidak terpakai)</b>		
1) Lesen perniagaan 2) Yuran Tamu 3) Lesen pasar 4) Lesen Pasar malam	- Peralatan e.g. gas dapur, pot, talam, jaring - Air abu (ash water) - Bahan peluntur - Rumput dan daun untuk bahan-bahan e.g. daun pisang, buntui, capok dsb. - Utiliti dan pengiklanan	Lebih kurang RM500

### (2)-5 Membuat lilin (penggunaan sumber tidak terpakai)

1) Lesen perniagaan license	- Peralatan e.g. gas dapur, kualiti, penapis, bekas	Lebih kurang RM300
2) Yuran Tamu	- Haif lebah	
3) Lesen pasar	- Bahan-bahan dan bekas e.g. kulit siput, kulit kelapa etc.	
4) Lesen Pasar malam	- Utiliti dan pengiklanan	

### (3) Menjaja (perniagaan mikro)

- Terdapat dua aktiviti utama:penjaaj bergerak, dan penjaja Bergerai yang menjual makanan dan minuman serta bahan bukan makanan seperti pakaian dan barang-barang keperluan
- Sebagai penjaja Bergerai, sebuah motosikal diperlukan
- Pihak yang berminat haruslah memperolehi lesen yang berkenaan/ kelulusan dari pihak berkuasa sebelum memulakan perniagaan.



Lesen diperlukan	Peralatan dan bahan-bahan asas	Kos permulaan
1) Lesen premis makan dan makanan 2) Lesen menjaja 3) Lesen Tamu 4) Lesen pasar	- Piring dan mangkuk - Kutleri - Perkakas memasak - Bekas untuk makanan - Lampu - Gas dapur - Bag Plastik - Utiliti dan pengiklanan	Lebih kurang RM1,500

## (4) Membekal Makanan

- Perkhidmatan membekal makanan termasuk bungkusan makanan tengahari untuk pejabat, membekal makanan untuk mesyuarat dan perayaan pejabat, bekalan makanan untuk majlis pihak swasta dsb.
- Makanan boleh disediakan di rumah dan diangkut ke tempat pelanggan



Lesen diperlukan	Peralatan dan bahan-bahan diperluakn	Kos permulaan
1) Lesen premis makan dan makanan 2) Sijil kesihatan 3) Sijil perniagaan 4) Pendaftaran kontraktor kerajaan negeri dan persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkakas dapur</li> <li>- Kotak Polyethylene</li> <li>- Bag Plastik /tali getah</li> <li>- Piring-piring hidangan</li> <li>- Piring dan mangkuk</li> <li>- Kutleri</li> <li>- Bahan pencuci</li> <li>- Makanan dan ramuan</li> <li>- Utiliti dan pengiklanan</li> </ul>	Lebih kurang RM2,500

## (5) Menjahit

- Menjahit dan membuat pakaian boleh dioperasikan oleh sesiapa sahaja.
- Walau bagaimana pun, adalah lebih baik pengoperasi tersebut mempunyai kelayakan dan berpengalaman.
- Pemilik harta yang tidak berpengalaman boleh mengambil pekerja atau berkongis dengan seorang tukang jahit yang berkelayakan dan untuk menjalankan perniagaan tersebut.





Lesen diperlukan	Peralatan dan bahan-bahan asas	Kos permulaan
1) Lesen perniagaan 2) Lesen Tamu 3) Lesen Pasar malam 4) Pendaftaran kontraktor kerajaan negeri dan persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesin menjahit (2)</li> <li>- Mesin menjahit sulaman</li> <li>- Sterika dan papan    seterika</li> <li>- Kemudahan    mengubahsuai</li> <li>- Utiliti dan pengiklanan</li> </ul>	Lebih kurang RM3,000

## 4. Isu-isu Utama untuk perkembangan perniagaan

Selepas anda menjalankan perniagaan selama satu atau dua tahun, sila kaji semula prestasi perniagaan anda mengikut senarai pemeriksaan berikut dan dapatkan maklumat dan latihan baru dari sumber-sumber yang berkenaan.

Anda boleh menemuduga pelanggan-pelanggan anda, melawat ke pasar dan bandingkan dengan produk-produk yang lain, dan lawat pusat maklumat Tamu KPD untuk mendapatkan nasihat dsb.

Apabila mengkaji semula prestasi, anda akan mengenalpasti sudut pandangan yang baik, yang lemah dan keperluan kepada perniagaan anda.

Jika anda ingin memperkembangkan perniagaan, sila dapatkan nasihat dari mereka yang berpakaran; iaitu kakitangan pengembangan, pusat maklumat Tamu KPD dan usahawan-usahawan wanita yang telah berjaya dalam perniagaan.

### **(1) Sila kaji semula produk-produk anda dan periksa yang berikut:**

---

- Kualiti
- Harga
- Jangka Simpan
- Pembungkusan dan Perlabelan
- Bahan-bahan Mentah

### **(2) Sila kaji semula prestasi perniagaan mengenai aspek-aspek berikut:**

---

- Jualan, Untung dan Kos
- Perancangan Pengeluaran
- Perakaunan

- Perancangan Kewangan
- Pengurusan Perniagaan
- Pemasaran
- Pembangunan Produk Baru

### **(3) Sila lawat ke pasaran untuk mengenalpasti yang berikut:**

---

- Keperluan Pasaran
- Keperluan Pengguna
- Anggaran permintaan Baru
- Haluan Harga

### **(4) Sila dapatkan maklumat perniagaan dan latihan:**

---

- Untuk menghadiri Seminar dan Latihan
- Untuk berkomunikasi dengan kakitangan pengembangan
- Untuk menyertai Pesta dan Persidangan
- Untuk mendapatkan maklumat melalui Media massa

### **(5) Sila berkomunikasi dengan usahawan-usahawan wanita yang lain:**

---

- Untuk bertukar-tukar maklumat
- Untuk Mempelajari dari Pengalaman mereka
- Untuk Memperkembangkan Jaringan Perniagaan
- Untuk mendapatkan Rakan Kongsi Perniagaan yang Baik

### **(6) Sila berkomunikasi dengan para pengguna:**

---

- Untuk Memahami Keperluan secara Langsung
- Untuk membolehkan Mereka Memahami Aspek-aspek Baik Produk anda
- Untuk Menjual Produk secara Langsung kepada para Pengguna
- Untuk Memperkembangkan Jaringan Perniagaan

### **(7) Sila sediakan pelan perniagaan jangka panjang:**

- Untuk mempertimbangkan pelaburan
- Untuk memperkenalkan produk-produk baru atau kemahiran baru
- Untuk menggantikan atau memperkenalkan peralatan baru
- Untuk menerokai ke pasaran yang baru

## 5. Sokongan Program dan perhubungan Kerajaan

### (1) Apabila anda ingin menyertai seminar kesedaran dan motivasi:

- Kakitangan pengembangan KPWM DOA boleh memberikan kepada anda
- Kakitangan ladang KPD juga boleh membantu anda
- Sila hubungi kakitangan tempatan DOA atau KPD
- Sekiranya mereka tidak boleh dihubungi, sila berhubung dengan pejabat cawangan DOA

### (2) Apabila anda memerlukan bantuan dalam menyediakan pelan perniagaan:

- Kakitangan pengembangan KPWM DOA boleh membantu anda
- Kakitangan ladang KPD juga boleh menyokong anda
- Sila hubungi kakitangan tempatan DOA atau KPD
- Sekiranya mereka tidak boleh dihubungi, sila berhubung dengan pejabat cawangan DOA

### **(3) Bila anda memerlukan latihan kemahiran pengeluaran:**

- Kakitangan pengembangan pertanian DOA boleh membantu anda dalam latihan kemahiran pengeluaran pertanian
- Kakitangan pengembangan KPWM DOA akan membantu anda dalam pemprosesan makanan
- Kakitangan pengembangan DOF boleh memberikan latihan yang berkenaan dengan produk-produk perikanan
- Kakitangan pengembangan DOVSAI akan memberi anda latihan mengenai penternakan
- Kakitangan pengembangan PKKMM dan KEMAS akan membantu anda untuk membekalkan latihan produk kraftangan
- Sekiranya mereka tidak boleh dihubungi, sila hubungi pejabat cawangan DOA, DOF atau DOVSAI yang berdekatan
- Pusat Latihan KPD Tenom membekalkan latihan pemprosesan makanan ; sila hubungi pejabat kawasan KPD

### **(4) Bila anda ingin menyertai latihan:**

- Kakitangan penunjuk ladang KPD membantu anda untuk mempelajari perakaunan dan buku simpan kira-kira
- Pejabat cawangan YUM akan membekalkan anda dengan latihan perakaunan dan buku simpan kira-kira
- Jika mereka tidak dapat dihubungi, sila hubungi pejabat daerah DOA yang berdekatan.

### **(5) Bila anda ingin menyertai latihan pengendalian dan pembungkusan:**

- Kakitangan pengembangan KPWM DOA boleh membekalkan latihan kepada anda
- MARDI akan membantu anda mengenai pengendalian makanan dan pembungkusan
- FAMA juga akan membekalkan latihan pengendalian makanan dan pembungkusan
- Pusat latihan KPD Tenom mungkin mempunyai latihan pengendalian makanan dan pembungkusan
- Anda boleh memperolehi maklumat mengenai pengendalian makanan dan pembungkusan dari usahawan wanita luar bandar , yang telah tamat kursus latihan pengendalian makanan PUANDESA , di Tamu KPD Kota Kinabalu
- Jika mereka tidak dapat dihubungi, sila hubungi pejabat cawangan DOA yang berdekatan.

### **(6) Bila anda ingin menyertai latihan pemasaran:**

- MARDI akan membantu anda mengenai latihan pemasaran
- FAMA juga akan membantu anda dalam latihan pemasaran
- JHEWA dan Majlis Hal Ehwal wanita juga akan memberikan latihan pemasaran.
- Anda boleh mendapatkan maklumat produk usahawan wanita luar bandar di Tamu KPD di Kota Kinabalu
- Jika mereka tidak dapat dihubungi, sila hubungi pejabat cawangan DOA yang berdekatan.

**(7) Bila anda memerlukan perkhidmatan kewangan mikro:**

- Kakitangan pengembangan YUM akan memberikan nasihat mengenai bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan-mikro
- Anda mungkin mendapat peruntukan dana dari TEKUN, AIM, SCC, MARA dsb.
- Jika mereka tidak dapat dihubungi, sila hubungi pejabat cawangan DOA yang berdekatan.



### Alamat Perhubungan Agensi-agensi yang berkaitan

Agensi	Alamat	Tel/Fax	Kakitangan dihubungi
DOA	Tingkat bawah, 1,2,3, & 4, Menara Khidmat, Jalan Belia, 88632 Kota Kinabalu	Tel: 088-283283, 428903 Fax: 088-239046	Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit
KPD	Beg Berkunci 86, 88998 Kota Kinabalu	Tel: 088-440100 Fax: 088-426057	Pn. Nemy Ontol
DOF	Tingkat8, Menara Khidmat, Jalan Belia, 88626 Kota Kinabalu	Tel: 088-235966 Fax: 088-240511	Dr. Ahmad Sade
DOVSAI	Tingkat7, Menara Khidmat, Jalan Belia, Beg Berkunci No. 2051, 88999 Kota Kinabalu	Tel: 088-782612 Fax: 088-782612	Cik Jabidah Jacob Yong
YUM	Pei Surat 218, Likas, 88856 Kota Kinabalu	Tel: 088-425972, 420351, 426357 Fax: 088-426046	En. Abdul Hamid Sani
JHEWA	9 <sup>th</sup> Floor, Blok B, Wisma Muis, 88100 Kota Kinabalu	Tel: 088-236110, 236251, 239028 Fax: 088-236125	Hjh. Subiah Laten
KPLB	P.O Box 11591, Jalan Sembulan, 88817 Kota Kinabalu	Tel: 088-224434, 225290, 212153 Fax: 088-239751	En. Muhamad Sayuti Abdullah
PKKM	Blok A, Lot 1-2, Lorong Buah Salak, Pusat Perindustrian Hiong Tiong, KM 11.2, Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu	Tel: 088-433461, 423471 Fax: 088-424491	En. Mustafa Alba Ibrahim
KEMAS	P.O Box 11281, 88814 Kota Kinabalu	Tel: 088-210004, 240144, 234568 Fax: 088-241740	Pn. Asnah Hj. Tahlil
SPS	Lot 4, Tingkat Bawah, Blok L, Kompleks Sinsuran, 88000 Kota Kinabalu	Tel: 088-232121 Fax: 088-265540, 219401	Pn. Fiona Lee
YS	Ibu Pejabat Yayasan Sabah, Tingkat 11, Menara Tun Mustapha, Teluk Likas, P.O Box 11201, 88813 Kota Kinabalu	Tel: 088-422211 Fax: 088-427536	En. Charles Lojinin

## 6. Suara dan pandangan Usahawan Wanita

### Case 1

Nama : Puan Aini Barahang  
Kampung : Kg. Melugus, Papar  
Pekerjaan/Produk : Suri rumahtangga,  
Pengeluar kuih/kek tempatan



Nama saya Puan Aini Barahang. Suami saya bersara pada 1996. Saya mempunyai empat orang anak.

Saya pelajari cara membuat *kuih cincin* (kek tempatan) apabila saya menolong ibu saya. Apabila saya mula membuatnya sendiri saya bekerja untuk orang lain. Masa itulah saya terdedah dengan alam perniagaan yang termasuk merekodkan perbelanjaan dan pendapatan, pemasaran dan pengagihan produk.

Selepas suami saya bersara, sumber pendapatan kami ialah pencennya. Memandangkan saya tidak begitu berminat bekerja untuk orang lain, maka saya memutuskan untuk memulakan perniagaan saya sendiri sejak tiga tahun yang lalu. Saya bekerja mulai di dapur dan dibantu oleh suami, anak dan anak menantu saya. Kedua anak perempuan saya juga membantu untuk menyediakan labelnya. Saya mula mempelbagaikan produk saya dengan membuat *kuih sapit*, *kuih baulu* dan *kuih lidah*. Setiap hari, kami memulakan pembuatan kuih di sebelah pagi. Sebelum makan tengahari, suami saya dan saya menghantar produk kami kepada pembeli di Kota Kinabalu dan lain-lain tempat yang berdekatan. Pesanan yang jauh seperti Tawau and Semporna, Saya menghantar produk saya dengan bus. Selain daripada menjual secara runcit, saya juga menjual terus kepada pelanggan saya di Tamu Putatan.

Saya menyertai KPWM (Kumpulan Petani Wanita Maju) pada tahun lepas. Walau bagaimana pun, saya dapati bahawa kurangnya kerjasama di antara ahli kumpulan. Maka dengan itu, persaingan hebat berlaku. Walau pun demikian, saya juga suka bekerja secara berasingan kerana sayalah sebagai majikan sendiri. Saya telah meningkatkan pendapatan keluarga saya. Selain dari membayar kereta dan keperluan

asas, kami kini mempunyai peruntukan keluarga dan simpanan di bank. Pendapatan keluarga saya bertambah dari RM 1000 to RM 4000. Ekoran dari perkembangan perniagaan saya, saya telah membuat pengubahsuaian rumah saya untuk mewujudkan satu kawasan berasingan untuk perniagaan saya.

Sebagai peserta Projek 5 PUANDESA, saya belajar untuk meningkatkan pengetahuan saya dari segi pengendalian makanan dan telah didedahkan untuk menjual secara langsung di Tamu KPD dan lain-lain tempat. Melalui semua ini, saya berjaya mendapatkan lebih ramai pelanggan yang membawa kepada peningkatan pendapatan saya. Pada tahun yang akan datang, saya bercadang untuk memperkembangkan perniagaan saya dengan mengambil dua orang pekerja.

\*\*\*\*\*

## Case 2

Nama : Puan. Sadiyah bte Kostari  
Kampung : Sembulan, Kota Kinabalu  
Pekerjaan/Produk : Suri Rumahtangga,  
Penghasil jus buah-buahan



Nama saya Puan Sadiyah bte Kostari. Saya berumur 33 tahun. Saya dilahirkan dan dibesarkan di Keningau. Saya berpindah ke Kota Kinabalu beberapa tahun yang lalu. Suami saya bekerja di Jabatan Bomba. Saya mempunyai lima orang anak yang bergantung kepada saya dan suami saya.

Sebagai isteri kepada seorang Pegawai Jabatan Bomba, saya berpeluang untuk mengikuti aktiviti-aktiviti anjuran PERISMA (persatuan isteri-isteri untuk Pegawai Jabatan Bomba). Saya mulai menjual jus buah-buahan tetapi hanya secara ad hoc sahaja. Selepas seketika, saya mula menjual jus buah-buahan dua kali seminggu di Tamu Asia City. Saya buatnya dengan berkongsi dengan seorang lagi. Kami telah membuat sistem untuk membeli bahan-bahan mentah dan pembahagian untung. Dua tahun yang lalu, saya menyewa satu lot kedai di KK Plaza di pusat bandar. Saya mengambil dua orang pekerja. Kami menjual jus buah-buahan dan makanan ringan.

Selepas kurang dari dua tahun, saya memutuskan untuk menamatkan perniagaan saya kerana menghadapi banyak masalah termasuk kadar sewa yang tinggi pada RM1,300. Suami saya pula harus menghadiri kursus latihan di Semenanjung Malaysia dan saya terpaksa menjaga empat anak saya di rumah.

Walau bagaimana pun, suami saya terus menyokong penerusan kerjaya saya. Melalui penyertaan berterusan di Tamu Asia City, saya telah meningkatkan pendapatan keluarga saya. Saya telah mempelajari bagaimana menjadi lebih berdikari, tidak bergantung kepada gaji suami saya. Setelah mengetahui nilai sebenar pendapatan, saya menjadi seorang yang tidak boros. Saya juga berupaya untuk membayar hutang dengan segera. Memandangkan gaji suami saya adalah mencukupi untuk menyara keluarga, saya dapat menyimpan sebahagian besar pendapatan saya.

Saya menyertai PUANDESA kerana saya berminat untuk menjadi usahawan sepenuh masa. Saya telah diberi pendedahan yang cukup dalam promosi jualan, memperbaiki piawaian kesihatan, dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Pendapatan saya naik turun, tetapi secara purata, saya dapat menyimpan lebih kurang RM1,000 satu bulan. Saya bercadang untuk memperkembangkan perniagaan saya, bermula dengan lot kedai yang kecil di Asia City. Kali ini, saya yakin akan berjaya kerana saya telah memperolehi banyak pengalaman sepanjang projek ini dan bagaimana untuk mengendalikan perniagaan.

\*\*\*\*\*

### Case 3

Nama : Cik Mimay bte Mala  
Kampung : Kg. Labuan, Tanjung Pasir  
(Kota Belud)  
Pekerjaan/Produk : Tukang masak, penternak puyuh



Nama saya Cik Mimay bte. Mala. Saya berumur 31 tahun. Saya menggunakan banyak masa perjalanan antara Kota Belud dan Kota Kinabalu. Kedua ibu bapa saya tidak

bekerja lagi kerana sudah tua. Abang saya ialah seorang petani. Beliau menanam padi dan jagung. Saya pula bekerja di sebuah kilang straw di Tuaran.

Saya menjadi peserta PUANDESA pada Oktober 2002. Saya telah digalakkan dan dipilih oleh DOVSAI untuk menyertai projek ini kerana minat saya untuk membangunkan diri sebagai usahawan. Selepas mengikuti projek ini, saya mula menjual puyuh dua kali dalam sebulan di Tamu KPD. Kumpulan saya terdiri dari empat ahli, iaitu kawan-kawan dan saudara yang jauh. Saya berperanan sebagai ketua, untuk memastikan kerjasama wujud dalam perniagaan sepanjang Tamu dan lain-lain perayaan. Sebagai satu kumpulan, kami belajar cara-cara berkomunikasi dengan berkesan dengan satu sama lain kerana kami memahami kepentingan bekerja dalam kumpulan. Kumpulan kami menyertai dengan aktif dengan menggoreng puyuh tersebut dan menjualnya kepada pelanggan. Pada mulanya, burung puyuh tersebut hanya disimpan rempah garam dan lada putih,. Semenjak itu kami belajar untuk mempelbagaikan produk dengan menggunakan bahan rempah-- madu dan kari. Selain dari itu, saya bermula memelihara lima burung puyuh. Kini, saya mempunyai lebih kurang 1,000 ekor burung puyuh. Dengan usaha saya dan bantuan dari pegawai DOVSAI, saya telah membuat perhubungan dengan restoran dan lain-lain peruncit yang membeli burung puyuh hidup dari saya.

Secara keseluruhannya, saya telah mempelajari banyak pengalaman sejak menyertai PUANDESA. Ini termasuk cara mengendalikan perniagaan, pemprosesan makanan, dan pemahaman dan bekalkan makanan kepada pelanggan. Ini juga kali pertam saya didedahkan berhubung secara langsung dengan pelanggan. Satu saja kekurangan ialah tidak terdapat kawasan yang khas untuk menjual produk kami secara harian memandangkan Tamu KPD hanya diadakan dua kali dalam sebulan. Walau bagaimana pun, saya kini seorang yang berkeyakinan diri lanjutan dari pengalaman yang diperolehi. Saya yakin dapat mengatasi masalah ini. Saya telah mengubah fikiran saya kepada lebih bersikap positif. Justeru itu, pendapatan bulanan saya telah meningkat dari RM500 sebagai pekerja kilang menjadi RM1,000. Saya juga memperolehi lesen gerai penjaja supaya saya bebas untuk mengendalikan perniagaan saya di tempat-tempat yang berbeza. Keluarga saya sangat memberi sokongan dan menggalakkan saya selama ini. Semua ini, saya percaya akan menyakinkan saya untuk memperkembangkan perniagaan saya.

\*\*\*\*\*

#### Case 4

Nama : Puan. Naulim Makinda  
Kampung : Kg. Tinangol, Matunggong  
Pekerjaan/Produk : Suri Rumahtangga,  
Pembuat kraftangan



Nama saya Puan Naulim Makinda. Saya berumur 29 tahun. Suami saya bekerja sebagai pembantu di Jabatan Pertanian. Saya mempunyai empat orang anak.

Saya pelajari bagaimana untuk membuat kraftangan dari ibu saya semasa saya masih muda. Saya menjadi usahawan pada 1989. Saya bermula bersendirian, menghasilkan kraftangan di rumah. Selain dari kraftangan dibuat daripada manik, saya juga membuat produk anyaman seperti bakul dan talam yang berbagai jenis. Demi untuk mencari pasaran untuk produk saya, saya berterusan mencari pasaran di Kota Kinabalu. Daripada perhubungan saya, saya telah dapat berhubung dengan peruncit dan lain-lain sumber pasaran yang menempah produk saya. Saya juga melibatkan diri secara aktif dalam penjualan produk saya terus kepada pelanggan semasa perayaan dan tunjukkara diadakan.

Walau pun saya bekerja secara persendirian, saya juga pernah menjadi ahli kumpulan KPWM - Kumpulan Petani Wanita Maju - yang terdiri dari enam orang ahli di kampung saya sejak 1998. Saya juga menyertai Jawatankausa Kraftangan di kampung yang terdiri dari 30 ahli. Saya telah dipilih sebagai ketua. Jawatankuasa ini telah menggalakkan wanita dari kampung saya untuk meningkatkan ekonomi mereka dengan penghasilan kraftangan. Selain dari itu, sebagai ahli juga membekalkan peluang jualan sekiranya pesanan banyak diambil. Semua ahli diminta untuk membekalkan kraftangan. Dengan ini, sebagai seorang ahli dalam jawatankausa ini turut mempengaruhi pendapatan saya. Sejumlah besar pendapatan saya dibelanjakan untuk keluarga saya. Bakinya saya akan menyimpannya di Bank.

Keluarga saya sangat memberi sokongan sejak dari mula. Kebanyakan ahli masyarakat saya sangat memberi sokongan juga. Walau bagaimana pun, sebilangan dari mereka berasa cemburu akan usaha saya. Tetapi saya rasa saya tidak dapat mengubah sikap mereka kerana mereka juga diberi peluang yang sama, cuma mereka tidak mahu berubah.

Perkara terbaik yang saya perolehi sebagai ahli PUANDESA adalah perubahan pemikiran saya. Saya lebih yakin dengan diri saya dan keupayaan untuk berjaya.

\*\*\*\*\*

### Case 5

Nama : Puan. Roseling Momili  
Kampung : Kg. Bavanggazo, Matunggong  
Pekerjaan/Produk : Suri Rumahtangga,  
Pembuat Kraftangan



Nama saya Puan Roseling Momili. Saya berumur 36 tahun. Saya adalah seorang janda dan mempunyai empat orang anak.

Saya mendapat kemahiran membaut krafatangan dari keluarga saya. Saya selalu membantu ibu saya untuk membaut kraftangan. Walau bagaimana pun, saya menjadi usahawan pada tahun 1998. Saya membaut kerja ini secara persendirian. Saya menjual produk ke kedai kraftangan dan kepada orang tengah.

Walaupun saya kerja bersendirian, saya menyertai kumpulan KPWM (Kumpulan Petani Wanita Maju) yang mengalakkan saya untuk terus aktif dalam produk berkaitan dengan pertanian. Saya menyertai melalui kampung Tinangol, yang mempunyai tujuh orang ahli yang merupakan kawan saya. Saya telah dipilih sebagai pembantu pengerusi.

Keluarga saya sangat menyokong perniagaan saya. Suami saya yang telah meninggal dunia baru-baru ini, merupakan seorang kakitangan kerajaan. Kerjanya memerlukan banyak perjalanan keluar pejabat. Dengan ini, beliau sangat gembira saya mempunyai kerja semasa beliau kerja ke luar pejabat di samping tugas saya menjaga anak. Anak perempuan saya telah menasihatkan saya supaya mendapatkan pelajaran semasa menghadiri bengkel dan persidangan!

Selain dari tugas yang sibuk, perniagaan saya telah memberi pendapatan tambahan dan meningkatkan kebanggaan dan keyakinan diri saya. Daripada pendapatan saya iaitu lebih kurang RM250 satu bulan, saya membelanjakan lebih kurang 90% untuk

keluarga saya. Bakinya saya belanjakan untuk diri saya sendiri dan menyimpan bakinya. Selain dari item tambahan yang saya berupaya untuk membeli, peningkatan pendapatan juga menjadi motivasi supaya saya dapat meneruskan usaha untuk memperbaiki diri saya.

Setelah mengikuti PUANDESA dalam Oktober 2002, saya pelajari bagaimana meningkatkan kualiti kraftagnan melalui mengetahui keperluan dan permintaan pasaran dan melalui penilaian diri. SeIain dari itu, saya juga menerima keyakinan dan motivasi untuk mencapai matlamat hidup saya.

Rancangan masa depan saya ialah untuk meningkatkan kualiti dan pelbagaian produk kraftagnan saya. Dengan membuat demikian, saya akan berupaya untuk meningkatkan pendapatan saya.

\*\*\*\*\*

### Case 6

Nama : Puan. Mimie Sulukan  
Kampung : Kg. Gombizau, Matunggong  
Pekerjaan/Produk : Suri Rumahtangga, Penternak  
Lebah madu



Nama saya ialah Puan Mimie Sulukan. Saya seorang suri rumahtanggan, penternak lebah madu dan pengeluar madu.

Saya memulakan perniagaan saya sejak 1985. Saya menyertai Persatuan Petani Lebah di kampung saya. Di bawah persatuan in, satu jawatankuasa telah dibentuk yang terdiri dari 15 ahli. Saya telah dipilih sebagai ketua.

Melalui nasihat teknikal dan bantuan dari KPD, saya melibatkan diri secara aktif sebagai penternak lebah madu dan pengeluar madu. Saya menjual madu di beberapa tempat. Ini termasuk gerai yang terletak di pintu masuk kampung saya. Dan Tamu mingguan (pasaran tempatan) yang diadakan di Matunggong. Selain dari itu, saya juga



menjual produk saya di Tamu di Kota Belud, dan semasa majlis perayaan yang diadakan.

Serangan tebuan merupak perkara biasa yang juga menjadi masalah utama. Tebuan besar yang menyerang sarang lebah membunuh banyak lebah kecil yang kami pelihara. Keadaan ini mengakibatkan kerugian pengeluaran madu. Kami tidak dapat mengatasi masalah tersebut. Walau bagaimana pun, kami mangambil langkah berjaga-jaga untuk memeriksa haif untuk memastikan tebuan besar tidak wujud dalam haif tersebut.

Masalah lain yang dihadapi ialah mengendalikan perniagaan saya dari ahli-ahli lain. Seorang ahli kampung saya menghadapi masalah untuk mengatasi sistem yang digunakan. Sabotaj dan kerosakan telah berlaku. Keadaan ini menjejaskan industri saya, memandangkan industri pemeliharaan lebah madu di Gombizau merupakan industri yang mendapat banyak tarikan pelancong. Walau bagaimana pun, masalah ini kian berkurangan.

Sejak menyertai PUANDESA, saya memperolehi banyak pengetahuan dan pengalaman mengenai keperluan pelancong dan kepentingan kesihatan dan kebersihan. Selain itu, saya telah diberi peluang yang banyak untuk mempelajari mengenai pasaran, menjual produk secara aktif. Saya telah mendapati bahawa pelajaran yang saya perolehi melalui projek ini telah meningkatkan pandangan keseluruahn saya yang akan menyumbang kepada kejayaan perniagaan saya.

\*\*\*\*\*

### Case 7

Nama : Puan. Juvita Tangan  
Kampung : Kg. Sumangkap, Matunggong  
Pekerjaan/Produk : Suri Rumahtangga,  
Pembantu membuat gong



Nama saya Puan Juvita Tangan. Saya berumur 27 tahun. Suami saya seorang pembuat gong.

Saya juga mempunyai kerja separuh masa berdasarkan kontrak. Saya bekerja sebagai tukang masak di tapak pembinaan di Sikuati. Saya menghabiskan masa

setengah hari untuk pekerjaan ini, dan memperolehi pendapatan sampingan untuk keluarga saya.

Sejak berkhawin, saya telah membantu suami saya untuk membuat gong. Saya terlibat dalam beberapa bahagian membuat gong termasuklah merekabentuk dan mengukir. Dengan kata lain, ini merupakan perniagaan keluarga yang khas untuk membuat gong. Sejak Kampung Sumangkap terkenal dengan pembuatan gongnya, ramai pelawat tempatan dan asing melawat ke bengkel kami. Dengan lawatan mereka, kami dapat menjual produk terus kepada mereka. Selain dari itu, kami juga menjual produk melalui kedai kraftangan baru yang terletak berhampiran dengan pameran gong di kampung saya. Tempahan telah dibuat oleh peruncit untuk membeli gong kami.

Keluarga saya memberi sokongan memandangkan saya dan suami saya kerja sebagai satu pasukan. Saya mempunyai anak kecil di rumah yang perlu dijaga, oleh itu adalah lebih baik bekerja di rumah. Dengan cara ini, saya memenuhi keperluan anak saya di samping membuat kerja rumah.

Masalah utama yang kami hadapi ialah jualan yang tidak stabil. Ini adalah kerana kebanyakan jualan adalah bergantung kepada pelawat ke Kampung Sumangkap dan khususnya di bengkel kami. Walau bagaimanapun, melalui perhubungan yang kami buat dengan peruncit di Kota Kinabalu dan lain-lain tempat, kami mendapat tempahan. Ini telah meningkatkan pendapatan kami. Daripada jumlah pendapatan, separuh dibelanjakan untuk membeli keperluan rumah. Bakinya akan digunakan untuk sendiri dan disimpan.

Sebagai sebahagian dari PUANDESA, saya menyedari bahawa setiap orang boleh berjaya. Namun saya perlu berusaha untuk mengubah minda dan sikap saya dan bekerja menuju matlamat saya langkah demi langkah.